

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

10. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur-pelabur luar negara baharu untuk tidak hanya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tetapi juga lebih banyak jenis bidang pekerjaan?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Dalam usaha menarik pelabur-pelabur luar mewujudkan lebih banyak peluang dan bidang pekerjaan, Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan penawaran. Selain bidang elektrik dan elektronik yang berkembang pesat Kerajaan Negeri turut memberikan tumpuan kepada beberapa sektor industri pembuatan lain seperti dalam bidang sains kesihatan melalui pembuatan peralatan perubatan *medical devices* yang mula mendapat permintaan tinggi di pasaran global. Manakala sektor teknologi yang boleh diperbaharui seperti tenaga solar, perkhidmatan perkilangan elektronik (EMS), semikonduktor, automotif, aeroangkasa, avionik dan teknologi LED juga merupakan sektor baharu yang sedang giat diteroka.

Di samping itu, tumpuan juga diberikan kepada sektor perkhidmatan seperti *Global Business Services* (GBS) iaitu perkhidmatan profesional dalam bidang kewangan, sumber manusia, reka bentuk kejuruteraan, reka bentuk dan pembangunan perisian *ICT design & development*, teknologi maklumat dan industri pengetahuan. Hab GBS sedang

berkembang dengan pesat di Pulau Pinang terutama di kawasan pusat bandar Bayan Lepas.

Peluang dan bidang pekerjaan yang besar juga ditawarkan melalui beberapa syarikat yang menjalankan aktiviti dalam bidang *creative digital art/ animation & games*. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri yang amat khusus ini mula beroperasi selama beberapa tahun di sekitar kawasan pusat bandar Bayan Lepas dan juga di George Town.

Selain itu, @CAT yang beroperasi di Wisma Yeap Chor Ee bukan sahaja membuka pelbagai peluang pekerjaan melalui syarikat *tech start up* tetapi juga menjalankan pelbagai aktiviti keusahawan dalam bidang mencipta laman *web*, *App*, *IoT*, *robotik*, *sensors*, Industri 4.0 dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan dana *The Penang i4.0 Seed Fund* yang menawarkan pembiayaan sehingga RM250,000.00 untuk membantu syarikat *tech start up* dengan produk dan perkhidmatan teknologi inovatif untuk mencapai tahap pengkomersialan. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang yang berkaitan teknologi baru.

Kesimpulannya, kesemua aktiviti utama dalam bidang perindustrian dan perkhidmatan yang disebutkan di atas dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas dalam pelbagai jenis bidang yang bernilai tinggi.